

KDN/KC/RPT/5838/07/2012(C305410)

LIVE THE DIFFERENCE

JIDIL 3, 2016

KELAINAN
TERBUKTI



KANDUNGAN

04 KISAH BERTEMA

Kelainan Terbukti

06 INDIVIDU

Tokoh Berjiwa Sains

08 PRODUK

PENJAGAAN KULIT:

Masa Hadapan Anti-Penuaan

PENJAGAAN KESIHATAN:


Kesan Yang Anda Boleh Rasai Dari Dalam

12 BUDAYA

Melangkah Lebih Jauh Untuk Membawa
Kegembiraan

14 PELUANG

Snapshots



04

06



08

10

12

Nu Skin (Malaysia) Sdn Bhd (402787-V)
License No. AJL 931384
Lot 01-05, Level 1, PNB Darby Park Retail
10 Jalan Binjai, 50450 Kuala Lumpur
Tel: 603 2170 7888 Fax: 603 2170 7999
www.nuskin.com.my



نوسکین فارمانیکس (ب) سنتدین بحد
NuSkin Phamanex (B) Sdn Bhd
D2, Blk D, Lot 11620, Jalan Gadong
Bandar Seri Begawan BE1718
Brunei Darussalam
Tel: 673 2 422 225 Fax: 673 2 422 226
www.nuskin.com.bn

KELAINAN TERBUKTI

Inovasi bukanlah mudah untuk dicapai secara konsisten, tetapi ianya merupakan salah satu daripada elemen utama yang membentuk Nu Skin. Dari peluang perniagaan global yang menarik perhatian serta unik, pendekatan berdasarkan sains, sehingga ke pembangunan barisan produk anti-penuaan berkualiti premium dengan konsep inovatif yang kukuh serta mantap, Nu Skin adalah lebih daripada sekadar sebuah perniagaan yang bernilai berbilion dolar!

Bagai hanya semalam apabila Nu Skin pertama kali mula beroperasi di kawasan kediaman pengasas Nu Skin - **Blake Roney, Sandie Tillotson dan Steve Lund**. Walaupun ia hanyalah idea yang mudah daripada segi ruang lingkupnya, tetapi ianya berkuasa daripada segi keupayaannya menyentuh kehidupan di seluruh dunia. Mundar laju ke masa kini, Nu Skin masih berpegang teguh kepada komitmennya untuk menjadi **Kelainan Terbukti** dalam membangun dan mengedarkan produk pengguna yang inovatif serta menawarkan barisan produk kecantikan dan kesihatan berkualiti premium yang komprehensif tidak hanya untuk 1 tetapi lebih daripada 50 pasaran di seluruh dunia!

Tahun demi tahun yang berlalu, dengan jelas membuktikan bahawa kekuatan dan tunjang Nu Skin adalah **Individunya**. Sesiapa sahaja di dalam Nu Skin pasti boleh memberitahu anda bahawa mereka ini adalah individu-individu yang secara kolektif menunjukkan kelainan mereka dengan memperbaiki kehidupan di seluruh dunia dan menjadi pemimpin yang memberi inspirasi dan aspirasi kepada kehidupan. Daripada Pengedar kepada pihak pengurusan yang berkebolehan



dan kakitangan yang ramah, nyatarasa dan semangat mereka berterusan dan menjadikan segalanya mungkin!

Dari dalam ke luar dan dari luar ke dalam, Nu Skin menyedari bahawa kesihatan dan pengurusan kesihatan adalah faktor dalaman kritikal yang memberi kesan bukan sahaja kepada apa yang anda rasa tetapi juga kepada penampilan anda agar seiring dengan pertambahan usia! Sebagai peneraju anti-penuaan, menggunakan kepakarannya di dalam kedua-dua penjagaan kulit dan nutrisi, Nu Skin secara berterusan telah membangunkan rangkaian **Produk** yang mengoptimumkan tenaga, kecantikan, kelanjutan usia – faedah-faedah eksklusif yang boleh dibuktikan melalui produk-produk Penjagaan Kulit dan Penjagaan Kesihatan.

Menyumbang semula kepada masyarakat

sentiasa menjadi keutamaan misi Nu Skin untuk menjadi "daya kebaikan". Ditubuhkan dengan misi untuk memperbaiki kehidupan di seluruh dunia, **Budaya** Nu Skin sentiasa komited untuk membuktikan dan membawa perbezaan kepada berjuta-juta kanak-kanak untuk generasi akan datang. Yayasan Nu Skin Force for Good dan inisiatif Nourish the Children adalah dua platform yang dippunyai oleh Pengedar dan pekerja untuk menjadikan dunia ini tempat yang lebih baik untuk mereka yang memerlukannya.

Peluang datang dan pergi; Nu Skin telah menjadi semakin kukuh dari segi keupayaannya untuk memberi tumpuan kepada aspek-aspek tertentu Nu Skin yang membezakannya dengan pesaingnya. Visi Syarikat untuk menghasilkan pendapatan


terbanyak kepada Pemimpin Jualan yang bekerja keras adalah tunjang **Peluang** perniagaan Nu Skin dan ribuan kehidupan yang telah dibantu untuk menjadi lebih baik sepanjang perjalanan tersebut membuktikan kelainan itu!

Dari peluang perniagaan yang muda selamanya, kepada pendekatan berdasarkan sains, sehingga ke pembangunan barisan produk anti-penuaan, Nu Skin dibezaikan oleh keupayaannya untuk membuktikan bahawa ia sememangnya mempunyai **Individu, Produk, Peluang** dan **Budaya** terbaik di dalam industri jualan langsung, penjagaan kulit dan kesihatan. Sebagai syarikat jualan langsung utama anti-penuaan, Nu Skin menetapkan piawaiannya tersendiri! Dari amalan budaya uniknya yang menjana kuasa, kepada produk inovatif dan terbukti secara klinikal, Nu Skin menjadi peneraju dengan peluang yang berbeza daripada yang lain - membuktikan Nu Skin sebenarnya adalah satu **KELAINAN. TERBUKTI.**



TOKOH BERJIWA SAINS

Dengan minat yang mendalam terhadap sains sejak zaman kanak-kanak, Dr. Joseph Chang yang dilahirkan di Ipoh tidak pernah bermimpi bahawa pada satu hari nanti beliau akan menjadi pengarang buku terlaris New York Times berjudul "The Aging Myth" dan juga seorang saintis terkemuka di sebuah syarikat jualan langsung antarabangsa!




Sebagai ahli sains dan juga ahli perniagaan, Dr. Joseph Chang telah berjaya membuktikan keunggulan dirinya. Asas pendidikan beliau yang cemerlang menjadi batu loncatan untuk beliau mencapai kejayaan dalam kehidupan profesionalnya. Dr. Chang sering berfikir bahawa perjalanan hidupnya adalah satu kemalangan berturutan tetapi yang menyenangkan. Meninggalkan rumah pada umur 17 tahun, beliau telah melanjutkan pelajarannya di University of Portsmouth. Tidak lama selepas itu beliau telah dianugerahkan ijazah Ph.D. dalam bidang farmakologi oleh University of London dan bercadang untuk kembali ke Malaysia apabila beliau ditawarkan satu peluang berharga! Beliau telah menjadi pensyarah di Johns Hopkins University di Amerika Syarikat



sebelum ditawarkan pekerjaan untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan untuk sebuah syarikat ubat-ubatan.

Selama bertahun-tahun, selepas beliau berjaya membangunkan ubat-ubatan untuk membantu artritis dan suntikan organ, beliau akhirnya bersedia untuk mencuba sesuatu yang baharu! Beliau telah menubuhkan Pharmanex pada tahun 1995, sebuah syarikat dengan objektif asas untuk menghasilkan pemakanan tambahan dengan gred-farmaseutikal yang berdasarkan sains. Dalam masa dua tahun sahaja, Pharmanex telah mengeluarkan lima produk yang berjaya dipasarkan kepada 38,000 kedai di Amerika Syarikat! Demikianlah permulaan kerjaya beliau, menggunakan sains untuk menghasilkan produk. Jalur



kehidupan beliau yang berterusan sepanjang kehidupan profesionalnya - produk alamiah yang disokong oleh sains tegar.

Syarikat tersebut telah berjaya mencapai keuntungan dalam tempoh yang agak cepat dan menjadi agak terkenal, tetapi Dr. Chang menyedari bahawa syarikat itu masih terlalu kecil untuk pergi ke peringkat antarabangsa. Tanpa disangka pada satu hari sebuah syarikat rangkaian yang dipanggil Nu Skin muncul! Menyedari peluang besar ini untuk menghasilkan pendekatan yang menyeluruh untuk anti-penuaan, Nu Skin telah mengambil-alih Pharmanex dan dalam proses itu telah menambah lebih banyak pemakanan tambahan yang inovatif kepada portfolio

produknya. Walaupun begitu, dalam masa tersebut Dr. Chang tidak hanya memberi tumpuan kepada apa yang boleh dibuat oleh Pharmanex pada tahap terbaik.

Sentiasa memerhatikan kemajuan dalam teknologi perubatan di seluruh dunia, beliau meramalkan bahawa usaha dalam kajian genetik untuk mencipta produk akan menjadi kejayaan besar yang seterusnya, dan oleh kerana itu beliau telah meyakinkan Nu Skin untuk mengambil-alih LifeGen Technologies untuk membawa masuk lebih banyak kepakaran genetik. Sejak itu, kedua-dua inovasi saintifik dalam penjagaan diri dan pemakanan telah menjadikan Nu Skin sebagai pemimpin dalam industri anti-penuaan. Formulasi proprietari produk dan teknologi Nu Skin kini telah membolehkan mereka untuk menetapkan standard industri baru dalam anti-penuaan, dengan penyelesaian sebenar yang memperlihatkan keputusan yang boleh dibuktikan dan wluar biasa!

Mundar laju ke masa kini, Ketua Pegawai Saintifik dan juga Naib Presiden Eksekutif Pembangunan Produk di Nu Skin Enterprises sejak 2006 ini telah mengetuai satu pasukan yang berbakat dalam menjalankan penyelidikan saintifik dan membangunkan satu aliran produk anti-penuaan yang memberikan manfaat yang bermakna kepada pengguna. Selain itu, beliau juga telah menulis begitu banyak dokumen dan artikel yang telah menyumbang dengan signifikan kepada penyelidikan farmakologi dan industri penjagaan kesihatan secara umum.

Dianugerahkan pengiktirafan dalam pelbagai bentuk oleh komuniti profesional untuk kerja-kerja dan pengetahuannya, hari ini ahli sains kelahiran Ipoh ini juga telah menjadi salah seorang daripada selebriti dalam dunia sains. Tetapi di sebalik tabir, begitu tekun dengan penyelidikan genetik untuk terus membangunkan pemakanan tambahan berdasarkan alamiah, beliau seperti seorang kanak-kanak di kedai gula-gula, masih seorang lelaki yang berjiwa sains di hati!

MASA HADAPAN ANTI-PENUAAN

Bagi kebanyakan orang, anti-penuaan bermakna melabur dalam sejumlah produk penjagaan kulit, mungkin juga mencuba botox atau pembedahan. Yang lainnya mungkin berasa tidak berdaya, seolah-olah tiada apa-apa yang mereka boleh lakukan untuk menangkis penuaan. Tetapi apa kata anda jika terdapat suatu penyelesaian kepada semua itu? Pemahaman saintifik mampu membantu anda kelihatan lebih muda daripada umur anda!

Sepertimana wain menjadi matang semua orang mahu menjadi tua dengan anggun, tetapi terdapat terlalu banyak rawatan anti-penuaan dan mitos di luar sana! Seruan untuk inovasi anti-penuaan bergema kuat dan semakin kuat setiap hari di seluruh dunia, dan tumpuan adalah terhadap teknologi berasaskan gen - inovasi yang paling hangat dalam industri. Sains penjagaan kulit anti-penuaan Nu Skin adalah kunci untuk menjaga kulit anda agar kembali kepada keadaan yang lebih muda.

SAINS PENJAGAAN KULIT AGELOC®

Mengenal pasti sumber - Kejayaan sains anti-penuaan ageLOC® Nu Skin telah memberikan kita keupayaan untuk mentafsirkan Gen Manusia dengan cara yang bermakna. Bekerjasama dengan pakar anti-penuaan dan genetik, kajian yang disokong oleh sains ageLOC® telah membolehkan saintis Nu Skin untuk mengenal pasti fungsi gen berkelompok yang dipanggil Kelompok Gen Keremajaan (YCGS) yang bertanggungjawab untuk kulit kelihatan muda dan membantu mempengaruhi proses penuaan kita. Dengan keupayaan untuk mengenal pasti dan menggalakkan semula gen supaya bersikap lebih muda, ia boleh membantu anda mengembalikan keseimbangan pada kulit supaya kelihatan lebih muda!

Menggalakkan Semula Keseimbangan - Sebaik sahaja kita mengenal pasti YCGS ini, adalah penting untuk menggalakkan

semula kelompok gen tersebut bagi memperlihatkan profil kulit yang lebih muda. Menggalakkan semula YCGS adalah satu proses pengimbangan yang halus - tidak semudah mengaktifkan dan melemahkan mereka. Sesetengah gen dalam kelompok tersebut mungkin perlu diaktifkan ke atas manakala yang lain mungkin perlu diturunkan ke bawah. Sains anti-penuaan proprietari Nu Skin menggalakkan semula Kelompok Gen Keremajaan untuk mencipta keseimbangan muda dalam setiap kelompok - mengembalikan mereka kepada pola aktiviti yang lebih muda.



MASA DEPAN PENJAGAAN BADAN TELAH DITEMUI!!

Semakin anda tua, pengeluaran protein berstruktur dalam kulit mula berkurangan. Kehilangan protein ini membolehkan simpanan lemak subkutaneus dalam kawasan utama seperti lengan, paha, punggung dan abdomen untuk membonjol, menyebabkan peningkatan penampakan selulit.

Direka secara ergonomik untuk mudah digunakan semasa perawatan badan, **ageLOC® Galvanic Body Spa** dengan teknologi bergetar menampilkan satu permukaan konduktif proprietari ageLOC® yang direka untuk menyampaikan 10 kali lebih ageLOC® kepada kulit anda apabila digunakan dengan produk tubuh anti-penuaan terunggu Nu Skin, **ageLOC® Body Shaping Gel**.

Peranti bersaiz tapak tangan ini menyasarkan sumber utama penuaan (YCGS) di samping memperbaiki penampakan selulit dan melicinkan kulit untuk memberikan penampilan yang lebih terbentuk semula. Melengkapkan rawatan dengan **ageLOC® Dermatic Effect** juga boleh meningkatkan ketegangan kulit. Dioptimumkan untuk memaksimumkan kesan anti-penuaan pada lengan, perut, punggung dan paha, sistem anti-penuaan badan ini merangsang, membersih dan menyegarkan kulit anda untuk mengurangkan tanda-tanda penuaan yang nyata!

SIAPKAN DIRI ANDA UNTUK PENGALAMAN PERUBAHAN SEBENAR!

Semakin anda membesar, kehilangan kolagen dan keanjalan kulit akan mengurangkan isipadu kulit, menyebabkan garis-garis halus dan kedutan terbentuk. Garis halus di sini, kelendutan atau kekendumaran di sana - wajah anda memperlihatkan umur anda, atau membuat anda kelihatan lebih tua daripada umur sebenar anda .

Menampilkan rangkaian empat produk yang berkuasa, **ageLOC® Transformation Pack** adalah salah satu sistem anti-penuaan kami yang paling baharu, memberikan manfaat anti-penuaan yang tiada tandingannya. Rejim penjagaan kulit eksklusif menyasarkan punca penuaan - membersih, mensuci, memperbaharui, melembap, mengubah dan menonjolkan kulit yang lebih muda dari lapan segi.

ageLOC® Transformation Pack adalah unik dalam menyampaikan penambahbaikan yang jelas kelihatan secara menyeluruh. Empat produk utama tersebut dirumus khas menggunakan sains proprietari **ageLOC® Nu Skin** yang menyasarkan punca penuaan pada tahap genetik dan terbukti secara klinikal untuk memperbaiki kulit dengan lapan cara yang signifikan dalam masa tujuh hari.

Sains anti-penuaan Nu Skin adalah berasaskan akses eksklusif kepada penyelidikan lebih daripada 30 tahun terhadap gen anti-penuaan. Bersama legasi mendahului menggapai masa depan dengan kelebihan sains termaju dan strategik, kerjasama yang berfikiran ke hadapan, setiap hari, dalam setiap cara, dari dalam ke luar dan dari luar ke dalam, produk Nu Skin terus mengoptimumkan tenaga, kecantikan dan kelanjutan usia dari hujung rambut ke hujung kaki tidak seperti yang lain!

KESAN YANG ANDA BOLEH RASAI DARI DALAM

Bayangkan untuk seketika bahawa ciptaan mesin masa adalah benar. Anda diberi peluang untuk melihat sepintas lalu ke masa hadapan. Bagaimana dan apa yang akan anda fikir tentang penampilan anda? Seorang yang berketrampilan sihat? Atau seorang yang kelihatan lemah dan tidak bermaya secara fizikal?

Semakin anda tua, keupayaan tubuh anda untuk menghasil dan menggunakan tenaga secara berkesan mula menurun. Kata bidalan, 'anda hanya setua yang anda rasa', tetapi adakah anda tahu bahawa kunci utama untuk menjadi muda kembali terletak di dalam gen anda? Sekarang tiada lagi keraguan bahawa untuk mengekalkan penampilan muda, gen anda mesti mendapatkan semula pola aktiviti muda mereka, tetapi di mana anda perlu bermula? Membawa sains anti-penuaan ke tahap yang terbaru dengan mengkaji asal-usul genetik, bagaimana dan mengapa kita semakin tua, pendekatan anti-penuaan Nu Skin telah mengenal pasti bagaimana sumber tenaga ini boleh dipengaruhi dari dalam dan luar!

SAINS NUTRISI AGELOC®

Mengekalkan Tenaga Muda (Penyucian Sel) - Lama kelamaan, bahan cemar yang terkandung di dalam alam sekitar di sekeliling kita yang terkumpul dan merosakkan metabolisme dalaman anda (bernaafas, menukar makanan kepada tenaga, dan seterusnya) boleh mempercepatkan proses penuaan. Keputusan kajian klinikal, analisis genomik dan penyelidikan yang disahkan daripada sains ageLOC® telah membawa saintis Nu Skin untuk mengenal pasti fungsi spesifik Kelompok Gen Keremajaan (YCG) yang bertanggungjawab terhadap tenaga muda. Nu Skin telah memberi tumpuan kepada sumber utama dalaman penuaan. Melalui sains ageLOC®, ia memberi tumpuan kepada sumber dalaman yang berkaitan dengan penyucian sel; menggalakkan gen



untuk berkelakuan lebih muda dan membantu kita berasa lebih muda dari luar dan dalam.

Pendekatan Berinovasi (Pengeluaran Tenaga) - Semakin anda tua, keupayaan tubuh anda untuk menghasil dan menggunakan tenaga dengan berkesan semakin menurun, yang boleh merenggut tenaga muda anda. Sekarang sumber penurunan ini bermula jauh di dalam setiap sel-sel anda. Sel-sel kecil "loji kuasa" yang dipanggil mitokondria menukar tenaga dari makanaan anda ke dalam bentuk tenaga kimia yang menggerakkan badan kita. Peningkatan usia boleh menjelaskan kecekapan tubuh anda di mana bilangan mitokondria anda menurun dan pengeluaran tenaga tidak dapat memenuhi permintaan tubuh seperti ketika anda masih muda. Kehilangan tenaga apabila kita semakin tua berkait rapat dengan perubahan usia yang berkaitan dengan pengeluaran tenaga sel. Dengan sains ageLOC®, kita kini mempunyai keupayaan untuk mengenal pasti, menyasar dan menggalakkan mitokondria YGCs ini kepada pola aktiviti yang lebih muda.



MEMPERBAHARUI DAN CAS SEMULA!

Kebanyakan kita berasa muda di hati – lagipun, bukankah usia hanyalah nombor? Namun tidak dapat dinafikan bahawa badan anda akan berubah dengan masa. Anda mungkin mula menyedari gangguan kecil kesihatan yang menjengkelkan seiring dengan masa, dari rasa sakit yang mencucuk di lutut anda, kepada berasa lebih letih pada malam hari. Kurang tidur, pemakanan dan gaya hidup yang tidak seimbang, pengumpulan toksik di dalam sel-sel akan menyebabkan anda berasa kekurangan tenaga secara lebih kerap.

Direka untuk menyasarkan penuaan pada sumbernya, formula **ageLOC® R² Pack** membantu untuk mengimbangi dua aspek keremajaan yang saling berkaitan. Digandingkan dengan sains ageLOC®, ia boleh mengenal pasti, menyasar, dan menggalakkan Kelompok Gen Keremajaan (YGCs) untuk melaras keremajaan anda – membantu anda berasa lebih sihat, lebih muda, dan lebih bertenaga daripada sebelum ini!

ageLOC® R² Pack adalah gabungan produk bertenaga yang bekerja dengan menggalakkan semula YGCs yang berkaitan dengan penyucian sel dan pengeluaran tenaga sel ke arah masa yang lebih muda. Diambil pada waktu petang, ageLOC® R² mengoptimumkan proses penyucian semula jadi setiap sel, membantu anda memulakan setiap hari merasa segar dan diperbaharui. Diambil pada waktu pagi, ageLOC® R² Day mengoptimumkan pengeluaran tenaga sel untuk membantu anda cas semula dan mengawal hari anda!

Dengan pemahaman ini, Nu Skin telah membangunkan sains untuk bergerak melampaui simptom penuaan bagi menyasarkan punca penuaan. Pendekatan inovatif ini adalah hasil daripada penyelidikan selama bertahun-tahun yang tiada bandingnya dalam bidang sains nutrisi yang digabungkan dengan beberapa pemikir yang terhebat dalam dunia genetik. Setakat ini, bukan sahaja kami merevolusikan produk kami untuk menawarkan penyelesaian anti-penuaan komprehensif tetapi inovasi sains kami terus memantapkan Nu Skin sebagai peneraju dalam industri nutrisi!

MELANGKAH LEBIH JAUH UNTUK MEMBAWA KEGEMBIRAAN

Bolehkah kita melakukan perbezaan daripada orang yang lain? Bagi Nu Skin, ianya tidak mustahil! Sambil Nu Skin bertekad untuk memperkasakan orang ramai bagi memperbaiki kehidupan dengan peluang-peluang perniagaan yang menguntungkan dan produk-produk inovatif, Nu Skin sentiasa beringat untuk mengukuhkan amalan memperkaya serta mengungguli budaya Force For Good (FFG) mereka.

Semenjak daripada kerjasama dengan P.S. The Children dan selepas itu New Covenant Community di Sentul pada awal kemasukan Nu Skin Enterprises ke Malaysia, Nu Skin secara berterusan telah menghulurkan bantuan dan sokongan kepada komuniti tempatan, sebagai satu inisiatif untuk membantu memperbaiki kehidupan.

Pada bulan Jun 2008, secara rasminya Nu Skin Malaysia telah mewujudkan kerjasama dengan Yayasan Institut Jantung Negara (IJN), sebuah yayasan yang bertujuan untuk mengumpul dana bagi menjalankan pembedahan pembetulan jantung untuk kanak-kanak yang memerlukan, meneruskan usaha mereka untuk menyelamatkan dan memperbaiki kehidupan kelompok masyarakat yang kurang bernasib baik ini.

Di samping perkongsian dengan Yayasan IJN yang telah dimulakan dengan penajaan awal sebanyak RM100,000 daripada Nu Skin's Southeast Asia Children's Heart Fund (SEA CHF), ia terus berkembang dengan Nu Skin Angels yang begitu banyak membantu dengan memberikan sumbangan mereka tanpa syarat, menyelamatkan kanak-kanak yang dilahirkan dengan penyakit jantung kongenital seorang demi seorang.

Selain menyelamatkan nyawa, Nu Skin Malaysia telah mengorak langkah lebih jauh bagi menggembirakan kanak-kanak daripada keluarga miskin ini menerusi inisiatif yang dikenali sebagai Wish List Project pada tahun 2008: projek untuk meraikan perayaan Krismas dan memenuhi permintaan kanak-

kanak yang telah diselamatkan melalui pembedahan jantung terbuka yang dibiayai oleh Nu Skin.

Melangkah lebih jauh bagi membawa kegembiraan buat kanak-kanak ini, Wish List Project telah mendapat maklum balas yang positif dan bermula pada tahun 2011 Wish List Project telah menjadi acara tahunan bagi Nu Skin Malaysia. Pada bulan November setiap tahun, para Pemimpin Jualan akan menghadiri majlis pelancaran projek ini, di mana mereka boleh mendapatkan kad yang mengandungi permintaan pesakit kanak-kanak di hospital yang menjalankan kerjasama dengan projek ini daripada Pusat Pengedar masing-masing, dan cuba sehabis baik untuk memenuhi permintaan-permintaan kanak-kanak tersebut. Selepas itu, di bulan Disember, acara penyampaian hadiah akan diadakan bagi para Nu Skin Angels bertemu dengan kanak-kanak yang permintaan mereka telah dipenuhi.

Bermula dengan memenuhi permintaan kurang daripada 50 kanak-kanak, Wish List Project perlahan-lahan bertukar menjadi acara tanggungjawab korporat sosial tahunan luar biasa yang memenuhi permintaan lebih 400 individu pada tahun 2015!

"Budaya Force For Good Nu Skin bukanlah hanya satu slogan yang kita boleh tunjukkan apabila memberitahu orang lain tentang perniagaan kita. Komitmen kita untuk memperbaiki kehidupan ialah bahagian penting tentang siapa kita dan apa yang kita lakukan di Nu Skin." – Steven J. Lund

Walaupun ianya tidak pernah menjadi niat untuk menonjolkan budaya Force For Good yang didukung oleh Nu Skin, ianya amat terserah kerana mereka benar-benar membuktikan kelainan dalam usaha menyumbang semula kepada komuniti. Di kala FFG yang bersepada dengan perniagaan dan hati para Nu Skin Angels, sumbangan kepada SEA CHF akan berterusan dan Wish List Project juga akan terus berkembang. Jadi marilah kita terus menyelamatkan nyawa dan membawa kegembiraan!



SNAPSHOTS



◀CELEBRATE STARS SOUTHEAST ASIA REGIONAL CONVENTION 2016

20 – 22 Julai 2016
Singapore Expo

▼NU SKIN AGELOC® EXPO 2016

5 & 6 Ogos 2016
Pusat Pengedaran Johor Bahru & Pulau Pinang

12 & 13 Ogos 2016
PNB Darby Park Retail Lobby
Kuala Lumpur

▼STAR ACADEMY 2016

7 – 9 September 2016
Macao





NU SKIN

DISCOVER THE BEST YOU™

www.nuskin.com.my